

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)



EKONOMI

UTP, MOGS, OMNI meterai perjanjian bangunkan PDC Drill Bit buatan Malaysia pertama

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Universiti Teknologi Petronas (UTP), Mulk Oil and Gas Synergy Sdn Bhd (MOGS) dan OMNI Oil Technologies (M) Sdn Bhd (OMNI) menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan (RCA) untuk membangunkan dan mengkomersialkan Novel Spiral Track Gage Polycrystalline Diamond Cutter (PDC) Drill Bit yang pertama direka bentuk dan dibuat di Malaysia.

Pemeteraian itu diadakan pada satu majlis di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 18 Okt lepas dan disempurnakan oleh Naib Canselor UTP Prof Ts Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, Naib Presiden Eksekutif MOGS Mohd Zaidan Khalid dan Pengarah Urusan OMNI Nik Mustapha Fathil Nik Mahmud

Ia disaksikan oleh Pengerusi MOGS Tan Sri Dr Aseh Che Mat and Ahli Lembaga MOGS Datuk Seri Ismail Ahmad.

Mohamed Ibrahim dalam ucapannya berkata perjanjian itu adalah bukti usaha berterusan UTP dalam merealisasikan aspirasinya untuk menjadi rakan kongsi pilihan industri yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

“Menerusi kolaborasi ini, kami berharap untuk mengkomersialkan inovasi kami, PDC drill bit, ke dalam pasaran. PDC drill bit dibuat khas untuk disesuaikan dengan keadaan penggerudian luar pesisir Malaysia dan Asia Tenggara di mana pembentukan geologinya dicirikan sebagai *interbedded* (berselang-seli).

“PDC drill bit adalah antara banyak inovasi yang sedang dikomersialkan oleh Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan UTP. Menerusi institut penyelidikan multidisiplin kami, UTP menjalankan penyelidikan yang berteraskan untuk menangani isu industri dan menjadi rakan kongsi kepada industri,” katanya.

Sementara itu, Aseh berkata tujuan RCA tiga pihak itu adalah untuk mempromosi dan mengkomersialkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan serta mengeluarkan alatan berprestasi tinggi, memandangkan aktiviti penggerudian minyak dan gas (O&G) di perairan Malaysia secara tradisinya didominasi oleh produk import.

“Oleh sebab itu, kolaborasi tiga pihak antara MOGS, UTP dan OMNI akan membuka peluang yang lancar untuk MOGS mengkomersialkan PDC Drill Bit buatan Malaysia pertama,” katanya.

Mohd Zaidan berkata RCA itu adalah satu fasa yang mengujakan untuk MOGS dan syarikat itu berada pada kedudukan yang sesuai untuk memberi lebih pilihan kepada pasaran.

“Menerusi MOGSwell, kami menawarkan portfolio solusi yang luas bagi memenuhi hampir semua aspek perniagaan O&G dan PDC Drill Bit buatan Malaysia yang pertama ini akan menjadi bahagian penting produk WELLtools, terutamanya dalam membekalkan peralatan berprestasi tinggi yang memacu peningkatan prestasi O&G,” katanya.

"Penyertaan MOGS dan fokus kami ialah untuk mempercepatkan proses pengkomersialan dan RCA tiga pihak ini ialah bagi memanfaatkan sepenuhnya kelebihan dan kepakaran ketiga-tiga rakan kongsi.

"Justeru, MOGS akan bekerjasama erat dengan UTP dan OMNI melalui fasa-fasa penting, bermula daripada rancangan pembangunan produk sehingga pelaksanaan menembusi pasaran," tambahnya.

Sementara itu, Nik Mustapha berkata inisiatif itu akan membuka laluan kepada OMNI untuk mengembangkan lagi kebolehan syarikat itu dalam pengeluaran alatan ketepatan tinggi.

"Kami gembira untuk menerokai dan menjayakan RCA tiga pihak PDC Drill Bit buatan Malaysia pertama ini.

"Sebaik sahaja projek ini dilancarkan sepenuhnya, Malaysia akan mempunyai PDC Drill Bit keluaran tempatan yang dihasilkan di loji kami di Nilai yang menerima pakai implementasi Revolusi Industri Keempat, untuk menghasilkan PDC Drill Bit buatan Malaysia pertama yang terbaik," katanya.

-- BERNAMA